

Headline	RHB lancar pelan insurans hayat		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jun 2016	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	E6
ArticleSize	129 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,266		



# RHB lancar pelan insurans hayat

**KUALA LUMPUR:** RHB Bank Bhd bersama-sama rakan bankasurans Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd, pada Rabu melancarkan pelan insurans hayat -- Essential PrimeLink.

Menerusi pelancaran pelan baharu itu, RHB menyasarkan premium tetap RM6 juta bagi tempoh enam bulan akan datang, kata Pengarah Eksekutif Perbankan Runcit Kumpulan Perbankan RHB, U Chen Hock, menerusi satu kenyataan pada Rabu.

RHB berkata Essential PrimeLink bermatlamat memberi ketengangan fikiran kepada pelanggan berdasarkan jaminan yang mereka perlukan serta fleksibiliti untuk mereka meningkatkan tahap pelaburan berdasarkan keperluan kewangan masing-masing.

U berkata pelan itu menawarkan peluang pelaburan bagi membantu pelanggan merealisasikan matlamat kewangan dengan lebih cepat, dan

pelanggan kini merasa yakin terhadap 85 tahun masa depan mereka.

"Essential PrimeLink merupakan pelan menyeluruh berkaitan pelaburan yang menawarkan peluang untuk pelanggan mengembangkankekayaan menerusi dana yang diurus TokioMarine, yang bermatlamat memaksimumkan potensi pulangan jangka sederhana dan panjang," katanya.

U berkata pelan itu memberi akses kepada dana yang diurus secara aktif yang berusaha memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana dan panjang.

Pelan itu menyediakan perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya kekal sehingga usia

Sementara itu, penaja jamin Tokio Marine Life memberi jaminan membayar insurans sehingga RM300,000 ke atas kematian atau hilang upaya kekal atau sementara mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

Tokio Marine Life, syarikat insurans hayat di Malaysia, ialah ahli Tokio Marine Holdings, syarikat insurans hayat tertua dan terbesar di Jepun dengan pengalaman global selama 135 tahun. —BERNAMA